

Penyampai : DATIN SERI JEANNE BINTI ABDULLAH
Tajuk : UCAPAN PERASMIAN PROGRAM SEMAI BAKTI FASA KE-DUA PERINGKAT
KEBANGSAAN
Lokasi : PUSAT PEMULIHAN DALAM KOMUNITI PUTERI GUNUNG, SIMPANG AMPAT,
SEBERANG PERAI SELATAN, PULAU PINANG
Tarikh : 01-02-2008

1. TERLEBIH DAHULU SAYA MENGUCAPKAN SYUKUR KE HADRAT ALLAH SUBHANAHU WATAALA KERANA DENGAN LIMPAH KURNIA SERTA IZIN-NYA, KITA DAPAT BERSAMA-SAMA DI PETANG YANG MULIA INI IAITU DI MAJLIS PERASMIAN PROGRAM SEMAI BAKTI FASA KEDUA PERINGKAT KEBANGSAAN.

2. SESUNGGUHNYA PROGRAM SEMAI BAKTI FASA KE DUA INI AMAT BERMAKNA KEPADA BAKTI KERANA INI MERUPAKAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL YANG DILAKSANAKAN OLEH BAKTI BERSAMA-SAMA DENGAN YANG BERHORMAT DATO' SERI SHAHRIZAT DIBAWAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT SERTA KUMPULAN SUKARELAWAN YANG DIKETUAI OLEH YANG BERBAHAGIA TAN SRI ROZALI ISMAIL.

3. PROGRAM SEMAI BAKTI FASA KEDUA INI MERUPAKAN LANJUTAN DARIPADA PROGRAM SEMAI BAKTI FASA PERTAMA YANG TELAH DIILHAMKAN OLEH ALLAHYARHAMAH DATIN SERI ENDON PADA TAHUN 2004.

4. PELAKSANAAN PROGRAM SEMAI BAKTI FASA PERTAMA TELAH MELIBATKAN KERJASAMA DAN KOMITMEN BEBERAPA BUAH AGENSI KERAJAAN SERTA N.G.O DAN MELIBATKAN PUSAT PEMULIHAN DALAM KOMUNITI ATAU P.D.K DI KAWASAN FELDA SELURUH MALAYSIA TERMASUK SABAH DAN SARAWAK.

5. PROGRAM FASA PERTAMA TELAH BERJAYA DILAKSANAKAN DAN KINI TIBA MASANYA UNTUK PROGRAM INI DIPERLUASKAN KE SELURUH NEGARA DENGAN SKOP YANG LEBIH BESAR MELIBATKAN KELUARGA ORANG KURANG UPAYA ATAU O.K.U DARIPADA PELBAGAI BANGSA.

6. BAGI PELAKSANAAN PROGRAM FASA KE-DUA INI, SEMUA P.D.K SAMADA DI DALAM ATAU LUAR BANDAR SELURUH MALAYSIA AKAN TERLIBAT TANPA MENGIRA BANGSA DAN AGAMA DALAM USAHA MEWUJUDKAN MASYARAKAT PERIHATIN DAN PENYAYANG. KONSEP PENYAYANG DAN PRIHATIN MERUPAKAN TEMA PELAKSANAAN PROGRAM INI DI MANA IA MENUNTUT KOMITMEN YANG TINGGI DARIPADA MASYARAKAT SETEMPAT UNTUK MELAKSANAKANNYA.

7. ADALAH MENJADI TANGGUNGJAWAB KITA SEBAGAI MASYARAKAT YANG PRIHATIN UNTUK MENERIMA GOLONGAN O.K.U SEADANYA SERTA MEMBERI PELUANG KEPADA O.K.U UNTUK MEMBUKTIKAN KEBOLEHAN MEREKA.

8. BAKTI AKAN BERGABUNG TENAGA BERSAMA-SAMA PARA SUKARELAWAN SEBAGAI KOMPLIMEN KEPADA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT UNTUK MEMBANTU MENJALANKAN PROGRAM-PROGRAM KEPADA O.K.U DI P.D.K SELURUH NEGARA.

9. PROGRAM SEMAI BAKTI JUGA AKAN MELIBATKAN SELURUH ISTERI AHLI PARLIMEN SERTA ISTERI AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI SECARA LANGSUNG SERTA SEMUA PERINGKAT KEPIMPINAN DAN PEGAWAI KERAJAAN DI PERINGKAT DAERAH DAN NEGERI.

10. PELBAGAI BENTUK PROGRAM DAN BANTUAN KEPADA O.K.U SEPERTI PROGRAM KLINIK BERGERAK DAN PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT AKAN DILAKSANAKAN. PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT AKAN MEMBANTU MENINGKATKAN KEMUDAHAN SESEBUAH P.D.K DISAMPING PASUKAN KLINIK BERGERAK AKAN MEMBERI KHIDMAT SECARA PERCUMA KEPADA O.K.U DAN KELUARGA O.K.U.

11. MELALUI JAWATANKUASA PROGRAM SEMAI BAKTI BERSAMA-SAMA DENGAN PIHAK KEMENTERIAN BEBERAPA SIRI KURSUS JUGA AKAN DILAKSANAKAN UNTUK MEMBANTU MENINGKATKAN KEMAHIRAN GURU-GURU P.D.K

12. SESUNGGUHNYA PELAKSANAAN PROGRAM SEMAI BAKTI FASA KE-DUA INI MENUNJUKKAN KESUNGGUHAN BAKTI BERSAMA-SAMA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT SERTA KUMPULAN SUKARELAWAN UNTUK MEMBANTU MENINGKATKAN TARAF HIDUP O.K.U.

13. TELAH TERBUKTI BAHAWA GOLONGAN O.K.U JUGA MAMPU MENCAPAI KEJAYAAN DALAM PELBAGAI BIDANG. DALAM BIDANG SUKAN CONTOHNYA; PADA 17 JANUARI 2008 YANG LALU, PARA ATLET O.K.U DI SUKAN ASEAN PARAGAMES KE-4 DI KORAT THAILAND TELAH BERJAYA MENDUDUKI TEMPAT KE –DUA SELEPAS THAILAND. KEJAYAAN INI AMAT MEMBANGGAKAN NEGARA. MANAKALA DALAM BIDANG PENDIDIKAN PULA TELAH TERBUKTI RAMAI O.K.U TELAH BERJAYA DENGAN CEMERLANG. SALAH SATU CONTOH IALAH PADA OGOS 2007, SEORANG O.K.U SPASTIK IAITU DR. RUZIAH GHAZALI TELAH DIANUGERAHKAN DOKTOR FALSAFAH DALAM BIDANG PENGURUSAN LATIHAN DARI FAKULTI PENDIDIKAN UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA. BELIAU KINI MERUPAKAN SEORANG AHLI PERNIAGAAN YANG BERJAYA. MANAKALA PELANTIKAN PROFESOR DATUK DR. ISMAIL MD. SALLEH SEBAGAI SENATOR PERTAMA DARIPADA O.K.U TELAH MENCIPTA SEJARAH. ITU ADALAH DI ANTARA BEBERAPA KEJAYAAN O.K.U YANG DAPAT DISEBUTKAN DI SINI. SESUNGGUHNYA KEJAYAAN DEMI KEJAYAAN INI AMAT MEMBANGGAKAN SAYA DAN NEGARA.

14. ADALAH MENJADI HARAPAN DAN IMPIAN SAYA SUPAYA SEMUA PIHAK SAMA ADA SEKTOR AWAM ATAU SWASTA MEMBERI PELUANG PEKERJAAN YANG SESUAI DENGAN KEBOLEHAN DAN KELULUSAN YANG DIMILIKI OLEH O.K.U INI.

15. SAYA BERHARAP PROGRAM SEMAI BAKTI AKAN BERJAYA MENCAPAI MATLAMATNYA UNTUK MEMBANTU GOLONGAN O.K.U DENGAN MENINGKATKAN TARAF INFRASTRUKTUR P.D.K DAN KEHIDUPAN O.K.U KE PERINGKAT YANG LEBIH TINGGI LAGI.

16. AKHIR SEKALI, SAYA MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MENGUCAPKAN PENGHARGAAN KEPADA YANG AMAT BERHORMAT PERDANA MENTERI, KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT, PARA SUKARELAWAN SERTA SEMUA PIHAK YANG TELAH MEMBERIKAN KERJASAMA DALAM MENJAYAKAN MAJLIS PADA PETANG INI. MARILAH KITA SAMA-SAMA MENGHULURKAN TANGAN MEMBERI KASIH SAYANG DAN PRIHATIN KEPADA MEREKA YANG MEMERLUKAN INI.

SEKIAN, WABILLAH HITAUFIK WALHIDAYAH WASSALAM MUALAIKUM WARAHMATULLAH HI WABARAKATUH. TERIMA KASIH.